



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

“KAUNSELING KE ARAH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT” DIPILIH SEBAGAI TEMA SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2020

“Kaunseling Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat” telah dipilih sebagai tema Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan (BKK) 2020. Tema ini dipilih selaras dengan impian dan harapan kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan prihatin melalui pemberian perkhidmatan kaunseling profesional.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling profesional. Pandemik COVID-19 telah mencetuskan pelbagai isu kritikal yang memberi kesan yang serius terhadap kesejahteraan psikologi masyarakat. Justeru itu, Talian Khas Kaunseling COVID-19 diwujudkan bagi memberi bantuan sokongan psikologi kepada mereka yang terkesan dengan penularan wabak ini dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Objektif pelaksanaan BKK adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai perkhidmatan kaunseling profesional sebagai salah satu sistem sokongan penting dalam mewujudkan kesejahteraan masyarakat, melestarikan pemikiran masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling profesional, meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kaunseling profesional kepada masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling profesional kepada masyarakat.

Sempena Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2020 yang disambut sepanjang bulan Oktober, pelbagai program akan dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi serta Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling untuk semua peringkat masyarakat. Dengan adanya pelbagai program dan kefahaman tentang perkhidmatan kaunseling, kesejahteraan dan kesihatan mental rakyat Malaysia sentiasa di tahap yang stabil.

Kementerian berharap supaya kaunselor berdaftar terus melengkapkan diri dengan kepelbagaian ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada masyarakat Malaysia.

###

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
30 SEPTEMBER 2020**